

Razaleigh boleh jumpa bila Dr M lawat Kelantan

# PM, Datuk Musa sudah bertemu

GEORGETOWN, Selasa — Bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, menemui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Johor baru-baru ini dan "berbual-bual" mengenai pelbagai perkara.

"Kami berbual-bual selama dua jam, termasuk mengenai soal politik dan isu semasa," kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, dalam pertemuan itu Datuk Musa menyatakan pendiriannya tidak menyokong tindakan 12 ahli Umno yang mengambil tindakan mahkamah terhadap parti.

"Saya menyambut baik jika semua orang tidak menyokong tindakan itu dan tidak pula membiayai kumpulan itu," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata pertemuan itu berlangsung sewaktu beliau melawat Johor dan Datuk Musa menemuinya atas kehendaknya sendiri.

Bercakap kepada pemberita di akhir lawatan tiga hari ke negeri ini, beliau berkata bekas Timbalan Presiden Umno itu juga hadir dalam perjumpaannya dengan pemimpin Umno Johor dan majlis jamuan anjuran Kerajaan Negeri.

Datuk Musa berlepas ke Amerika

Oleh SABRI SHAPIEE

Syarikat minggu lalu untuk menyertai Pusat Hal-Ehwal Antarabangsa Universiti Harvard selama tiga bulan.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata beliau bersedia, tanpa sebarang syarat, menemui bekas Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Razaleigh Hamzah, yang menentangnya merebut jawatan presiden parti April lalu.

"Kalau ada usaha ke arah menyatupadukan parti, saya sedia menerima pertemuan itu tanpa apa-apa syarat. Rundingan meja bulat juga tidak perlu diadakan kerana perkara itu tidak ada dalam Umno.

## Tiada masalah

"Kalau Tengku Razaleigh nak jumpa saya, tidak ada masalah. Beliau boleh berjumpa saya apabila saya melawat Kelantan," katanya. Datuk Seri Dr Mahathir dijadual melawat Kelantan pada 2 dan 3 Oktober.

Mengulas dakwaan Tengku Razaleigh, yang dilaporkan oleh akhbar *The Star* hari ini, bahawa lawatan Perdana Menteri ke seluruh negara hanya akan mengeruhkan suasana dalam parti, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Itu hanya anggapan Tengku Razaleigh semata-mata."

BH 10 SEP 1987  
Menegenal tuduhan Tengku Razaleigh kononnya berlaku penyisihan terhadap penyokong-penyokongnya, Datuk Seri Dr Mahathir berkata perkara itu tidak berlaku.

Beliau menegaskan sebarang perubahan sewaktu pembentukan Kabinet atau Exco Kerajaan Negeri dibuat dengan tujuan melahirkan satu pasukan yang bersefahaman, dapat bekerjasama dan tidak menjadi penghalang kepada kelancaran pentadbiran negara dan negeri.

Kumpulan yang tersingkir sudah terlebih dulu menyatakan kesediaan dikenakan tindakan sedemikian jika kalah, lagipun mereka sendiri tidak percaya lagi kepada pucuk pimpinan, katanya.

"Tindakan menyingkir mereka tentunya adalah wajar. Saya sendiri tidak akan menjadi Perdana Menteri sekiranya saya kalah. Itu adalah kenyataan dan saya menerimanya," katanya.

Beliau juga menegaskan rundingan meja bulat seperti yang disarankan oleh bekas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman tidak perlu diadakan untuk menyelesaikan sebarang perselisihan faham dalam Umno atau bagi mengeratkan perpaduan ahli.

Perdana Menteri juga berkata lawatannya ke beberapa negeri setakat ini berhasil merapatkan semula perpaduan rakyat, terutama ahli-ahli Umno.

Menurutnya, penerangan yang disampaikan kepada ahli-ahli supaya mengeneipkan perselisihan yang timbul berikutan pemilihan parti April lalu difahami oleh semua pihak.

"Oleh itu, tidak perlu ada rundingan meja bulat kerana yang penting ialah setiap ahli memahami perlunya dirapatkan semula barisan dalam parti," katanya.

Tunku baru-baru ini mencadangkan supra-

ya perundingan meja bulat diadakan antara Datuk Seri Dr Mahathir, Tengku Razaleigh dan Datuk Musa bagi menyelesaikan perselisihan yang wujud.

Menyentuh lawatannya ke Pulau Pinang, beliau berkata ia berjaya mengukuhkan lagi kedudukan Umno dan Barisan Nasional Negeri.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau berpeluang memberi penerangan mengenai perpaduan dan betapa pentingnya Umno bergerak sebagai parti yang bersatu padu untuk menjayakan segala rancangan demi kebaikan orang Melayu khususnya dan semua rakyat.

Beliau juga berpuas hati dengan pentadbiran Kerajaan Negeri yang mendapat kerjasama rapat parti-parti komponen Barisan Nasional.

Turut hadir di sidang akhbar itu ialah Ketua Menteri Dr Lim Chong Eu, Pengerusi Perhubungan Umno Negeri, Encik Anwar Ibrahim, Setiausaha Perhubungan Umno Negeri, Dr Ibrahim Saad dan Timbalan Menteri Kewangan Senator Mohd Farid Ariffin yang juga Ketua Umno bahagian Bagan.